

10 APR 2003

Parlimen-Miskin

DEWAN RAKYAT LULUS USUL TUBUH KUMPULAN WANG AMANAH PELAJAR MISKIN

KUALA LUMPUR, 10 April (Bernama) -- Dewan Rakyat hari ini meluluskan usul penubuhan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin yang bertujuan memberikan bantuan kepada pelajar miskin, sekaligus mengelakkan mereka tercicir daripada sistem pendidikan.

Usul itu dikemukakan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan Hashim Ismail bagi meminda Jadual Kedua Akta Prosedur Kewangan 1957 dengan menambah butiran baru "Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin".

Beliau berkata sejumlah RM200 juta telah diluluskan oleh Jemaah Menteri bagi tujuan penubuhan kumpulan wang itu yang akan memberikan bantuan kepada pelajar miskin daripada peringkat pra-sekolah hingga menengah bagi meningkatkan tahap pencapaian mereka dalam bidang pendidikan.

Hashim ketika menggulung usul berkenaan berkata penubuhan kumpulan wang itu adalah berdasarkan kepada kesedaran bahawa faktor kemiskinan menjadi menyumbang kepada keciciran pelajar di sekolah-sekolah.

Penubuhan tabung itu akan dapat membantu pelajar daripada kalangan keluarga yang berpendapatan kurang daripada RM500 dan pendapatan per kapita RM100 dan ke bawah tidak tercicir daripada mengikuti pengajian di peringkat sekolah rendah hingga menengah.

Bantuan sedemikian, katanya akan dapat memastikan tahap kecemerlangan pendidikan mereka tidak terjejas dan mereka dapat meneruskan pengajian hingga ke peringkat universiti.

Hashim berkata pemegang amanah tabung itu adalah kerajaan Malaysia dan Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan dilantik sebagai pengawal tabung amanah itu.

"Tabung amanah itu akan ditadbir oleh Kementerian Pendidikan kerana di bawah Kementerian berkenaan sudah sedia ada lembaga penasihat yang terdiri daripada golongan profesional bagi mengawasi proses penyaluran bantuan," katanya sebagai menjawab pertanyaan Che Ghani Che Ambak (PAS-Setiu), Datuk Kamaruddin Jaafar (PAS-Tumpat) dan Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong) mengenai pengurusan kumpulan wang amanah itu.

Pada peringkat pelaksanaan tabung amanah itu, Hashim berkata satu jawatankuasa bagi mengenalpasti pelajar-pelajar yang layak akan turut melibatkan kepimpinan masyarakat dan golongan yang arif mengenai latar belakang pelajar yang hendak disalurkan bantuan berkenaan.

Jenis bantuan yang akan disalurkan itu adalah dalam bentuk bantuan am pelajar, wang saku, belanja kenderaan, pakaian seragam dan peralatan persekolahan dan kursus motivasi.

Sementara itu di luar dewan, Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan Datuk Mahadzir Mohd Khir berkata kumpulan wang amanah itu akan dilancarkan dengan rasmi oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada bulan depan.

Beliau berkata geran permulaan sebanyak RM200 juta bagi kumpulan wang amanah itu diharap dapat ditingkatkan dengan sumbangan daripada sektor swasta dan individu.

Penubuhan kumpulan wang itu adalah selaras dengan dasar wajib pendidikan peringkat rendah yang dilaksanakan kerajaan bagi semua kanak-kanak di negara ini.

"Kementerian juga gembira kerana penubuhan ini disambut baik oleh semua pihak termasuk pembangkang dan langkah itu dapat memastikan setiap warga Malaysia mendapat pendidikan sewajarnya," kata beliau.

-- BERNAMA

HS HS PR